

EIDUL MAULID NABI

(Oleh Pencinta Qalam)

Ayuhai (maulud) hari jadi yang semerbak

wangi melihi kasturi kelembak

harumnya alam penuh dan sebak

menghujani berkat penuh melambak

Alam yang kaku mulai bergerak

mendung kejahilan pecah berserak

bayang-bayang kesenangan mula bercorak

kecermelangan alam mulalah bergerak.

Kerana tersiar permata Lo' Lo'

memeranjatkan benua tanjung dan teluk

kedatangan penyuluh membawa colok

seorang manusia sebaik-baik makhluk.

Ialah Muhammad sebaik-baik kejadian

setinggi-tinggi makhluk Tuhan sekalian

Nabi kekasih malik as-sadiyan

jasanya sedunia di nilaian.

Cukup kebesaran kemuliaan baginya

Tuhan sendiri memuji atasnya

di surah "Nun" ada menyebutnya

betapa ketinggian akan lelebihannya.

Sebarang ingatan sebagai kenangan

akan maulidnya saidina junjungan

12 Rabiul Awal hari bilangan

bulan bahagia cahaya bercemerlangan.

Sesiapa berusaha dengan hormat

ta'zim memuliakan hari jadi Muhammad

nampaklah tanda sebaik-baik umat

daripada Tuhannya beroleh rahmat.

Berkumpul, beraya kerana memuliakan

tiap-tiap tahun diulang-ulangkan

bersyarah, bernazam, tarikh dibacakan

kebenaran Muhammad sampai diingatkan.

Di majlis mauludnya sangat dilarang

makan dan minum merokok sebarang

berbual jenaka berbuat curang

riuh bising adab yang kurang.


Melainkan dengan ambil fikiran

daripada Allah suatu hantaran

Nabi pesuruh membawa pelajaran

agama Allah pun aturan.

RAJA-RAJA MELAYU BERSAMA-SAMA DENGAN SETIAUSAHA JAJAHAN



Tuan Auliber Littleton Setiausaha Jajajahan British telah tiba di Malaya dan telah berjumpa dengan Sultan-sultan Melayu di Kuala Lumpur pada pertengahan bulan Disember 1951. Lawatan ini tentulah maknanya dalam dan apakah kesannya nanti insya-Allah akan diulas dalam majalah ini.

Gambar di atas menunjukkan Sultan-sultan dengan Tuan Littleton di Kuala Lumpur. – Gambar Pejabat Perhubungan Raya.